

Berita Harian

ISNIN, 16 MAC 2015 (25 JAMADILAWAL 1436)

SPH Sebuah penerbitan SPH - kumpulan media yang diyakini

Makan bersama kali terakhir



SALAM PERPISAHAN: Cik Noraini (*baju hitam*) dan Encik Shahrudin (*baju putih, dua dari kiri*) kelihatan tenang sejeurus sebelum jenazah anak sulung mereka, Allahyarham Muhammad Nurshahrin (*gambar sisipan*) dibawa ke Masjid Al-Istighfar bagi solat jenazah petang semalam. - Foto M.O. SALLEH

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

TANPA disangka, sesi makan lewat malam bersama Muhammad Nurshahrin Shahrudin Jumaat lalu adalah kali terakhir Encik Shahrudin Hashim dan Cik Noraini Cikni dapat duduk semeja dengan anak sulung mereka itu.

Pesilat nasional berusia 21 tahun itu meninggal dunia dalam tidur sekitar 10 pagi kelmarin.

Punca kematian adalah *cardiorespiratory failure* atau kegagalan bernafas selepas jantung berhenti, berdasarkan keputusan pemeriksaan bedah siasat di Hospital Besar Singapura (SGH).

Encik Shahrudin dan Cik Noraini masih terlalu dalam kesedihan bagi mengulas lebih lanjut apabila *Berita Harian* (BH) melawat ke rumah mereka di Pasir Ris semalam.

Namun, seorang makcik Allahyarham yang ingin dipanggil Cik Siti Salbiah memberitahu BH bahawa anak saudaranya itu mengajak kedua orang tuanya ke Changi Village selepas pulang dari kem Jumaat lalu. Dua orang adiknya tidak ikut kerana mengantuk.

Allahyarham baru sahaja memulakan kerjaya tetap dengan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) selepas melengkapkan Latihan Ketenteraan Asas (BMT). Namun, setibanya di restoran, Allahyarham tidak memesan makanan.

"Beliau tidak banyak berkata-kata dan hanya melihat orang tuanya makan sahaja. Selepas itu mereka pulang," tambahnya.

Sekitar 1 pagi, Encik Shahrudin mengejutkan Allahyarham yang terlena di kerusi dan menyuruhnya berpindah ke katil. Itulah kali terakhir Encik Shahrudin berbual dengan anaknya.

Semalam, lebih 300 pelawat termasuk Anggota Parlimen (AP) GRC Pasir-Ris Encik Zainal Sapari mengunjungi keluarga Allahyarham.

Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong, turut berkongsi ucapan takziah di laman Facebook. Menurut Cik Siti Salbiah, sokongan dari sepelusuk masyarakat itu dihargainya.

Allahyarham pernah memenangi pingat emas di Kejohanan Pencak Silat Asia 2011 dan turut meraih sebutir gangsa dalam acara ganda seni di Sukan Asia Tenggara (SEA) Myanmar dua tahun lalu. Rakan sepasukan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin berkata Allahyarham ialah rakan yang baik hati dan rajin berlatih.

"Beliau suka bergurau, tetapi begitu serius dalam latihan," kata Sheik Ferdous.